

Memartabatkan ulama tersohor

Muhammad Abduh perkenal sistem madrasah, kurikulum moden majukan ummah

Oleh Farid Mat Zain

SEMPENA seminar mengenai Sheikh Muhammad Abduh esok, umat Islam negara ini harus mengenang jasa dan sumbangan ulama tersohor terhadap dunia Islam seperti penghormatan yang kita berikan kepada Imam Shafei dan Imam Ghazali.

Meskipun Mohammad Abduh menghasilkan banyak karya agung, masyarakat Melayu hanya mengenai tokoh ini menerusi karya dihasilkan ulama terkemudian yang mendokong aliran ulama besar itu.

Kebanyakannya diperolehi melalui kitab karangan ulama Melayu yang belajar di Makkah, kemudian kembali ke tanah air mengasaskan madrasah yang mendokong aliran itu.

Selepas sekian lama ketandusan ulama besar muncul di dunia Islam, kemunculan Muhammad Abduh memberi seribu aspirasi kepada umat Islam. Muhammad Abduh muncul pada awal abad ke-20 dalam suasana sebahagian besar dunia Islam mula dimasuki oleh kuasa Barat. Mesir, Turki, India dan Nusantara didatangi oleh kuasa besar atau menerima pengaruh seperti Perancis, Belanda dan British.



INTI PATI

- Muhammad Abduh muncul pada awal abad ke-20 dalam suasana sebahagian besar dunia Islam mula dimasuki kuasa Barat dan beliau adalah goparasi awal mendanai per-

taran itu Muhammad Abduh menjadi model yang sesuai dalam penyelesaian umat Islam masa kini.

Muhammad Abduh tampil dengan pelbagai model dan citra. Sarjana dan pengkaji kepada tokoh ini meletakkan beliau dalam dalam pelbagai kelompok. Ada mencitrakan Muhammad Abduh sebagai seorang mujaddid (revivalist) dan ada yang mengenali beliau sebagai tokoh islah (reformis), dan tidak kurang juga yang memberikan pelbagai pandangan terhadap beliau.

Youssef M. Choueiri (1990) meletakkan Muhammad Abduh dalam kumpulan reformis. Pencitraan kepada tokoh ulama ini dilakukan untuk melihat aliran pemikiran dan arah perjuangan yang dilakukan. Namun bagi orang Melayu, Muhammad Abduh dilihat sebagai ulama yang berjasa membangunkan Islam.

Orang Melayu mengetahui ketokohan Muhammad Abduh melalui graduan yang balik dari al-Azhar. Ia merupakan media yang terkenal pada masa itu. Kemudian daripada itu baru muncul akhbar dan majalah yang berunsur Islam dan melaporkan mengenai perkembangan Islam di Asia Barat. Tambahan pula maklumat al-Azhar masih baru kepada orang Melayu kerana sebelumnya

Selepas tamat pengajian beliau kembali ke tanah air dan menubuhkan Madrasah al-Masriyah di Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Beliau menganjurkan pengajian berbentuk madrasah dengan memasukkan kurikulum moden dalam sukatan yang diajar di madrasah. Walaupun menerima pembaharuan yang dianjurkan oleh Muhammad Abduh tetapi tidak menentang ulama Melayu tradisional yang ada pada waktu itu.

Madrasah bercorak islah ditubuhkan oleh kumpulan islah di Tanah Melayu. Madrasah al-Iqbal ditubuhkan di Singapura, Madrasah al-Hadi di Melaka dan Madrasah al-Mashur di Pulau Pinang. Namun, madrasah yang ditubuhkan tidak mendapat sambutan meluas. Ia mungkin kerana pengaruh golongan tradisional masih menebal di hati masyarakat atau mungkin pendekatan yang diambil tidak sesuai. Muhammad Abduh berpendirian terbuka terhadap tamadun Barat.

Persoalan penting yang perlu diberi perhatian oleh umat Islam menurut Muhammad Abduh dan gurunya Jamal al-Din al-Afghani bukan menentang tamadun Barat sebaliknya mencari jalan dengan mengangkat martabat orang Islam supaya mampu menyaingi tamadun yang baru muncul

Kedatangan kuasa Eropah ini mengejutkan umat Islam kerana bangsa ini pada waktu sebelumnya pernah tunduk dan bernaung di bawah kekuasaan Islam. Belanda akur dengan Islam ketika kerajaan Islam berkuasa di Andalus. Perancis dan British pernah ditundukkan Islam di bawah Salahuddin al-Ayyubi ketika Perang Salib.

Umat Islam masih dibuai mimpi dan leka dengan keagungan zaman silam. Tanpa menyedari bahawa mereka sudah berada di bawah telunjuk orang lain dan kekuatan Islam sudah tidak sehebat dulu lagi.

Tiada orang yang menyedarkan orang Islam bahawa mereka dijajah. Orang pertama yang membangkitkan kesedaran tentang penjajahan dalam Negara Islam ialah Sayyid Jamal al-Din al-Afghani, guru dan rakan seperjuangan Muhammad Abduh.

Al-Afghani tiba di Mesir pada 1871 dan tinggal di sini hingga 1879. Kelantangan al-Afghani dalam mengkritik Barat menarik ramai pengikut terutama di kalangan penuntut al-Azhar. Beliau menyelar pemimpin Mesir masa itu iaitu Khediv Ismail kerana bersekongkol dengan Barat. Idea al-Afghani membangkit kesedaran rakyat Mesir menentang Barat mendapat sambutan luar biasa hingga menggerakkan rakyat bangkit menentang pengaruh Barat ke atas dunia Islam.

Dari segi masa dan suasana persekitaran, Muhammad Abduh hidup dalam suasana Mesir dikelilingi kuasa Barat. Pandangan semesta yang dikemukakan berkait dan dipengaruhi persekitaran yang wujud pada waktu itu. Pandangan yang dikemukakan sesuai dan hampir dengan cita rasa kehidupan orang Islam masa kini yang berhadapan secara langsung dengan kemajuan dan tamadun Barat. Lan-

genghuan awal menubuhkan pendidikan di al-Azhar.

- Pengaruh pembaharuan pendidikan yang dilakukan Muhammad Abduh dicontohi orang Melayu dengan memperkenalkan sistem pendidikan berbentuk madrasah.
- Muhammad Abduh muncul pada awal abad ke-20 dalam suasana sebahagian besar dunia Islam mula dimasuki oleh kuasa Barat.
- Muhammad Abduh dan gurunya Jamal al-Din al-Afghani bukan menentang tamadun Barat sebaliknya mencari jalan dengan mengangkat martabat orang Islam supaya mampu menyaingi tamadun yang baru muncul.
- Muhammad Abduh seorang yang cerdik dan bersungguh dan beliau mampu menghafal al-Quran seawal usia sepuluh tahun serta menjadi pelajar terbaik dengan mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang di al-Azhar.
- Pandangan Muhammad Abduh sesuai dan hampir dengan cita rasa kehidupan orang Islam masa kini yang berhadapan secara langsung dengan kemajuan dan tamadun Barat dan beliau menjadi model yang sesuai dalam penyelesaian umat Islam masa kini.

mereka banyak tertumpu di Makkah, sama ada sebagai pusat pengajian dan tempat ibadat.

Nama Azhar mula dikenali melalui pertubuhan dakwah yang dicetuskan oleh Muhammad Abduh iaitu Jam'yat al-da'wah wa al-Irshad. Pertubuhan ini diadakan untuk menyediakan pemuda Islam dengan ilmu pengetahuan dengan menyemai semangat dakwah dengan harapan mereka akan menjadi kader dakwah apabila tamat pengajian. Melalui pertubuhan ini pemuda Islam di luar Mesir seperti Palestin, India juga Alam Melayu diundang ke Mesir dan belajar di al-Azhar. Ramai umat Islam memperoleh banyak manfaat daripada program ini. Pada masa inilah beberapa orang Melayu mula memasuki dan belajar di al-Azhar. Kumpulan awal yang memasuki al-Azhar di kalangan orang Melayu ialah Shaykh Saleh Masri, Shaykh Tahir Jalaluddin dan al-Hadi.

Program penting dan menjadi sebutan kepada projek islah Muhammad Abduh ialah pendidikan. Muhammad Abduh melakukan pembaharuan ke atas al-Azhar ketika beliau kembali dari Beirut kerana menjalani hukuman buang negara. Abduh dilantik menjadi pentadbir kepada al-Azhar. Melalui saluran ini berlaku pembaharuan terhadap kurikulum dengan memasukkan kurikulum baru.

Pengaruh pembaharuan pendidikan yang dilakukan Muhammad Abduh dicontohi oleh orang Melayu. Sistem pendidikan berbentuk madrasah diperkenalkan. Di kalangan ulama Melayu menerima pembaharuan yang dianjurkan oleh Muhammad Abduh. Antaranya ialah Shaykh Saleh Masri.

Beliau disebutkan sebagai generasi terawal yang mendapat pendidikan di al-Azhar.

itu.

Lantaran itu, dalam akhbar dan majalah seperti *al-Urwah al-Wuthqa*, ayat yang menggesa umat Islam supaya mengubah nasib mereka sering diulang-ulangkan. Umat Islam digesa supaya bersatu dalam menghadapi penjajahan Barat. Lantaran itu, projek Pan Islamisme dilancarkan.

Kelebihan yang ada pada Muhammad Abduh ialah beliau seorang yang cerdik dan bersungguh. Beliau mampu menghafal al-Quran seawal usia sepuluh tahun (Adams 1968). Ketika di al-Azhar beliau menjadi pelajar terbaik dengan mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang.

Cuma untuk sampai ke peringkat teratas, sebagai seorang manusia biasa, Muhammad Abduh menghadapi liku-liku genting yang sukar diselesaikan. Ketika belajar di Madrasah al-Ahmadi, Tanta ketika berusia 15 tahun, beliau menghadapi konflik dalaman tidak dapat menerima pengajaran yang disampaikan oleh gurunya hingga menyebabkan beliau meninggalkan kelas itu. Namun, perkara ini dapat diselesaikan selepas beliau berkahwin dan mendapat motivasi daripada keluarga beliau yang lain.

Orang Melayu mengetahui ketokohan Muhammad Abduh melalui graduan yang pulang dari al-Azhar.

Selepas itu, baru muncul akhbar dan majalah berunsur Islam dan melaporkan mengenai perkembangan Islam di Asia Barat. Tambahan pula maklumat al-Azhar masih baru kepada orang Melayu kerana sebelumnya mereka banyak tertumpu di Makkah, sama ada sebagai pusat pengajian dan tempat ibadat.

Penulis adalah Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).